

25/12/2001

Pemuda harus terus jadi ejen perubahan

Azhar Abu Samah; Khairul Anwar Rahmat

BH: Bagaimana saudara melihat krisis dalaman MCA sekarang?

IDRIS: Hasil pemerhatian saya, MCA terbahagi kepada dua golongan, iaitu satu pihak konservatif (Kumpulan A) yang dipimpin presidennya, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik dan pihak agresif (Kumpulan B) yang diketuai Timbalan Presiden, Datuk Lim Ah Lek.

Dr Ling diketahui sebagai pemimpin kaum Cina yang bertolak ansur dan bijak menjaga perasaan kaum lain. Sebaliknya, Kumpulan B yang mendapat sokongan orang muda dalam MCA lebih agresif dalam memperjuangkan hak dan kepentingan kaum Cina.

Ada juga beranggapan Dr Ling banyak mendiamkan diri dalam isu membabitkan kaum Cina kerana dikatakan terlalu akur dengan Pengerusi Barisan Nasional (BN), Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sememangnya, kumpulan yang datang dengan nafas baru akan mendapat sokongan kuat generasi muda. Pada masa sama, Dr Ling terus bertahan dengan segala kekuatan yang ada dan tidak mahu melakukan serangan balas terhadap pihak bertentangan.

Bagaimanapun, pertembungan seperti ini biasa berlaku dalam mana-mana parti politik. Ia adalah pertembungan dua aliran pemikiran berbeza. Bagi saya, ia adalah sihat dan perlu dinilai secara sihat.

BH: Tidakkah ia akan menjejaskan persiapan BN dalam menghadapi pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri Indera Kayangan?

IDRIS: Walau apa pun yang berlaku dalam MCA, ia ibarat `ribut yang berlaku dalam sebuah cawan'.

Saya pasti, ia tidak akan menjejaskan peluang BN untuk memenangi pilihan raya kecil Indera Kayangan. Saya percaya, seluruh pemimpin dan anggota MCA akan bersikap positif apabila tiba masa peperangan sebenar. Saya juga berharap kedua-dua pihak tidak akan melengah-lengahkan sebarang usaha berdamai. Sebagai antara komponen terpenting dalam BN, MCA perlu melaksanakan tanggungjawabnya untuk menyelesaikan sebarang perselisihan dalaman.

Bagaimanapun, saya percaya krisis dalaman akan menjadikan MCA lebih matang dan bersedia untuk berhadapan dengan cabaran sebenar, iaitu memastikan kemenangan dalam pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri kawasan Indera Kayangan.

BH: Bagaimana dengan andaian pembangkang bahawa pilihan raya umum akan diadakan dalam masa terdekat ini?

IDRIS: Seperti yang kita semua tahu, pembangkang tidak akan senang duduk apabila melihat BN mentadbir negara ini dengan baik dan cemerlang. Sebab itu, pemimpin mereka sentiasa ingin membangkitkan semangat penyokongnya supaya tidak dibuai perasaan selesa. Dakwaan bahawa pilihan raya umum akan diadakan dalam tempoh terdekat membuktikan bahawa pembangkang bankrap taktik. Mereka tiada isu lain untuk menarik sokongan rakyat. Selama ini, Umno dan BN bekerja keras untuk membela nasib rakyat, sedangkan ruang untuk mereka mengkritik kerajaan semakin sempit.

BH: Mengapa pembangkang membuat andaian demikian? Adakah disebabkan imej kerajaan yang dilihat semakin kukuh sekarang?

IDRIS: Hakikatnya, pembangkang seperti cacing kepanasan. Pemimpin pembangkang mendapati ceramah mereka tidak lagi mendapat sambutan rakyat. Pelbagai kegiatan dan isu yang dibangkitkan juga tidak mendapat sambutan rakyat. Pada masa sama, perselisihan pendapat berlaku di antara mereka yang bersekongkol dalam pakatan pembangkang. Ketika prestasi pembangkang

begitu merudum, BN terus menunjukkan prestasi cemerlang dengan pelbagai program untuk kesejahteraan rakyat dan kemakmuran negara.

BH: Adakah pimpinan BN perlu menyahut cabaran pembangkang untuk mengadakan pilihan raya lebih awal?

IDRIS: Apa yang dilakukan pembangkang ialah satu ujian untuk menguji sama ada kita melatah atau tidak. Kita tidak perlu terikut-ikut dengan rentak pembangkang kerana mereka tidak pernah memikirkan perkara lain kecuali untuk berkuasa.

Pilihan raya bukanlah perkara gurauan yang boleh dipermainkan bila-bila masa kita suka. Ia adalah satu proses yang serius kerana seluruh negara akan menumpukan perhatian apabila ia berlangsung. Meminta pilihan raya diadakan pada waktu ini adalah satu taktik kotor pembangkang. Kita mengadakan pilihan raya umum pada 1999. Sekarang ialah masa untuk kerajaan menumpukan perhatian untuk memenuhi janji dalam manifesto dan kepada rakyat, bukannya melayan kerenah pembangkang.

BH: Pada masa ini, apakah agenda yang perlu menjadi tumpuan Pergerakan Pemuda Umno setiap peringkat?

IDRIS: Pemuda Umno perlu terus berfungsi sebagai ejen perubahan. Kita tidak kekal berada pada takuk lama tanpa sebarang perubahan positif dalam diri, keluarga dan masyarakat. Apa yang penting, setiap ahli Pemuda perlu berubah.

Saya teringat satu puisi yang berbunyi: "Apabila saya lahir ke dunia, saya fikir saya mampu mengubah dunia. Apabila saya semakin dewasa, saya dapati adalah sukar untuk mengubah dunia dan saya cuba mengubah negara. Mengubah negara juga adalah sukar dan saya cuba mengubah masyarakat dan kampung namun saya gagal. Saya juga gagal mengubah keluarga sendiri. Akhirnya saya sedar bahawa saya pasti mampu mengubah dunia, negara, masyarakat, kampung dan keluarga jika saya terlebih dahulu mengubah diri sendiri".

Justeru, saya menyeru seluruh anggota Pemuda supaya berusaha gigih untuk memperbaiki diri dan tampil membela nasib rakyat. Pemuda Umno pada setiap peringkat juga perlu fikirkan usaha untuk membantu pemimpin atasan mengukuh dan memperkasakan parti.

BH: Apa pandangan saudara mengenai pendedahan Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP) mengenai dasar pengasingan kelas mengikut kaum?

IDRIS: Kita semua perlu melihat isu yang dibangkitkan ini melalui pelbagai sudut pandangan. Ini penting supaya kita tidak terlalu emosional dalam mengulas isu ini. Sebagaimana yang ditegaskan Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad, pendedahan NUTP menjadi isu nasional yang serius. Saya percaya, pihak berkenaan akan menjalankan siasatan rapi terhadap sekolah yang didakwa NUTP mengamalkan diskriminasi kaum. Namun, Kementerian Pendidikan sudah menjelaskan bahawa ia tidak mempunyai dasar untuk mengasingkan pelajar mengikut bangsa. Saya percaya, kementerian hanya ada dasar membahagikan kelas mengikut prestasi akademik pelajar. Bagaimanapun, saya mengalu-alukan sebarang usaha untuk meleraikan kekeliruan yang mungkin ditimbulkan akibat salah faham segelintir pihak dan ibu bapa.

BH: Adakah isu ini akan menjejaskan perpaduan antara kaum dan integrasi nasional?

IDRIS: Saya anggap perkara ini sebagai satu perkembangan sihat kerana dalam mana-mana negara yang mengandungi masyarakat majmuk, isu seperti ini boleh dijangka. Bagaimanapun, saya yakin, BN sebagai tonggak pemerintahan kerajaan Malaysia akan dapat menyelesaikan isu ini dengan baik. Kepemimpinan yang ada pada hari ini sudah membuktikan kemampuan berhadapan dengan pelbagai cabaran sama ada dari dalam atau luar negara.

BH: Apakah persediaan kerajaan, khususnya Kementerian Pendidikan untuk

memastikan isu seperti ini tidak berulang?

IDRIS: Apa yang berlaku ini ada hikmah di sebaliknya. Ini membuktikan pentingnya sistem pendidikan satu aliran diberi penekanan semula. Kita tahu, matlamat pelaksanaan sistem ini untuk memupuk dan mewujudkan perpaduan kaum sejak di bangku sekolah. Melalui satu aliran sistem pendidikan, satu sistem nilai dan budaya dapat dibentuk di kalangan pelajar yang tidak dapat dilaksanakan dengan berkesan kerana wujudnya aliran Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) Cina dan Tamil. Saya melihat dari sudut positif jika sistem ini dilaksanakan sepenuhnya dalam negara yang didiami masyarakat majmuk. Sebab itu, kita perlu menolak pandangan segelintir pihak yang beranggapan kerajaan mahu memansuhkan terus penggunaan bahasa ibunda kaum lain. Ia sepatutnya diterima dengan hati terbuka demi memupuk perpaduan kaum supaya isu perkauman tidak akan timbul lagi pada masa depan.

BH: Apakah tugas Pemuda Umno dalam menangani isu ini?

IDRIS: Dalam isu ini, Pemuda Umno perlu berfungsi seperti yang diperlukan. Kita tidak seharusnya menyelesaikan isu ini secara ad-hoc, sebaliknya Pemuda Umno perlu bertindak secara lebih proaktif. Isu seperti ini apabila dibangkitkan sudah tentu menjadi sensasi kerana ia membabitkan perpaduan kaum. Sebab itu, saya harap perkara ini dapat diselesaikan secara bijaksana. Justeru, saya mencadangkan supaya semua pihak terbabit duduk semeja dan berbincang. Ketika ini, kita perlu ketepikan sebarang perbezaan dan mencari titik persamaan. Jangan dibesar-besarkan perkara ini kerana ia akan mengeruhkan keadaan.

BH: Sebelum mengakhiri temu bual ini, bagaimana saudara menilai sokongan Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Mohd Ali Rustam terhadap kegiatan Pemuda dan belia negeri Melaka?

IDRIS: Secara peribadi, saya mengiktiraf Datuk Seri sebagai guru dalam dunia politik. Beliau banyak memberi didikan dan dorongan kepada saya dan anggota Pemuda yang ingin belajar. Sebenarnya, beliau ialah punca kekuatan Pemuda dan belia negeri ini. Datuk Seri sentiasa meluangkan masa untuk memberi sokongan kepada setiap kegiatan anjuran Pemuda.

Baru-baru ini, beliau menghadiri program qiamulail anjuran Pemuda seawal jam 5.30 petang dan bersama-sama kami sehingga jam 8 pagi keesokan harinya. Sepanjang tempoh itu, beliau mengetepikan semua protokol dan duduk bertadurus, mendengar tazkirah, bertarawih, tidur dan bangun solat malam bersama generasi muda. Kita juga tahu beliau sangat prihatin terhadap perkembangan belia negeri Melaka. Sebab itu, beliau bekerjasama erat dengan Ketua Pemuda Umno negeri, Jamiluddin Jonit.

Seperti yang seluruh anggota Pemuda Melaka ketahui, Jamiluddin ialah Pemuda gigih dan berfikiran jauh. Ketika ini, Pemuda Umno negeri berusaha merealisasikan usaha dan wawasan beliau untuk mengintegrasikan Pemuda Umno dengan seluruh belia negeri. Dengan adanya usaha berterusan, saya percaya belia negeri Melaka akan bersatu di bawah satu kepemimpinan dan menyokong penuh kepemimpinan Ketua Menteri demi kemajuan dan kemakmuran Melaka.

Nama: Idris Haron

Tarikh Lahir: 13 Mei 1966

Tempat Lahir: Kampung Relau, Asahan, Melaka

Adik beradik: Enam orang (anak keempat)

Pendidikan : Sekolah Kebangsaan Asahan, Melaka

Sekolah Menengah Sains Melaka

Universiti Texas, Paso, Amerika Syarikat (Kejuruteraan Elektrik)

Kegiatan pelajar: Speaker Pertubuhan Pelajar Malaysia Universiti Texas

Kerjaya: Penolong Jurutera Pengguna, LLN Kajang, Selangor (1989-1993)

Mengikuti kursus teknikal di Jepun (1993-1994)

Pengurus Projek, TNB Kajang, Selangor (1994-1997)

Jurutera Perancang Binaan, TNB Jasin, Melaka (1997-1999)

Pengurus Bisnes Daerah, TNB Melaka (1999-2001)

Isteri: Fadilah Abdullah, 31

Anak: Luqman Hakim, 8, Amira, 5

Kegiatan sukarela: Timbalan Pengerusi 4B cawangan Batu Berendam
Ahli Jawatankuasa (AJK) 4B negeri Melaka
Pengerusi Biro Dakwah 4B negeri Melaka
Pengerusi Barisan Bertindak Menangani Gejala
Sosial Melaka, Pengerusi Sumber Tenaga, Majlis
Perundingan Belia Negeri
Pengerusi Gerak Udara 4B Melaka (1994-1997)

Kegiatan politik: Ahli Umno cawangan Klebang Kecil, Batu Berendam, Melaka
(1990)

Ketua Pemuda cawangan Klebang Kecil (1993-kini)

Pengerusi Tetap Pemuda Bahagian Batu Berendam (1997-
2000).

Naib Ketua Pemuda Bahagian Batu Berendam (2001-2003).

AJK Umno Bahagian Batu Berendam

Pengerusi Biro Ekonomi Umno Bahagian Batu Berendam

Pengerusi Biro Latihan Umno Bahagian Batu Berendam

Pengerusi Biro Agama Pemuda Umno Negeri Melaka

AJK Biro Latihan Umno Negeri Melaka

AJK Perhubungan Pemuda Umno Negeri Melaka

Penceramah Biro Latihan Umno Malaysia.

(END)